



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (17) 03/04

MENTERI PERTAHANAN MELAWAT KEADAAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA 4 REJIMEN SEMBOYAN DIRAJA SEBELUM BERAMAH MESRA BERSAMA WARGA KEM ERSKINE, KUALA KUBU BHARU

1. **SELANGOR, 22 April 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah mengadakan Lawatan Kerja ke Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Taman Seruling dan menghadiri Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama warga Tentera Darat (TD) di Kem Erskine, Kuala Kubu Bharu, hari ini.
2. Lawatan ini adalah bertujuan bagi YB Menteri Pertahanan melihat dengan lebih dekat keadaan persekitaran perumahan dan kondisi bangunan kediaman kerajaan kepada warga TD yang bertugas di Kem Erskine, Kuala Kubu Bharu, ianya termasuk rumah yang berpenghuni dan bangunan kediaman kosong kerana rosak.
3. Semasa lawatan, YB Menteri Pertahanan diberikan taklimat berkaitan status senggaraan RKAT Taman Seruling oleh Pegawai Memerintah 94 Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Angkatan Tentera (94 UPKAT), Kol Nik Amir bin Nik Ya'acob. Keseluruhan, **senggaraan RKAT Taman Seruling melibatkan 245 buah unit** dengan pecahan 11 unit rumah pegawai, 28 unit rumah Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) dan 206 unit rumah Pegawai Tidak Tauliah Rendah (PTTR). Walaubagaimanapun, hanya **73 buah rumah dalam keadaan baik untuk didiami, 60 rosak tetapi masih didiami, 59 rosak tidak sesuai didiami dan 53 buah lagi telah lulus untuk dirobohkan**. Keseluruhan peruntukan senggaraan RKAT yang disalurkan adalah sebanyak **RM400 juta melibatkan 28,808 unit di 48 buah kem seluruh Malaysia**.
4. Seusai lawatan, YB MENHAN bergerak ke Majlis Ramah Mesra Aidilfitri untuk beramah mesra bersama warga Kem Erskine serta menyampaian **mock cheque** berjumlah **RM 596,283.00** kepada Panglima 4 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Ts. Reizal Arif bin Tan Sri Ismail yang merupakan **Peruntukan Senggaraan RKAT dan Blok Penginapan Rejimen Semboyan Divisyen Ke-4 Infantri Tahun 2024**. Simbolik penyerahan peruntukan ini membuktikan Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebijakan dan kemaslahatan warga TDM.

5. Selain itu, majlis turut mengumpulkan seramai **19 orang pelajar** Tahun 1 sesi persekolahan Tahun 2024 yang merupakan anak-anak anggota tentera dari Kem Erskine untuk **menerima Sumbangan Pendidikan MADANI berjumlah RM50.00 secara one-off** ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpanan SSPN Prime). Inisiatif ini adalah hasil daripada keprihatinan pihak Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) yang memandang serius urusan Pendidikan tinggi anak-anak ATM. Melalui insiatif ini anak-anak ATM akan memiliki akaun simpanan di PTPTN yang akan memudahkan urusan Pendidikan tinggi mereka pada masa hadapan.
6. Majlis ini diserikan lagi dengan penyampaian bantuan kebajikan iaitu sumbangan sebanyak **RM300.00 secara one-off oleh YLTAT kepada 10 orang penerima** dari kalangan anggota atau waris yang menghidap penyakit kronik. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam usaha membantu meringankan beban warga TDM menjalani kehidupan sehari-hari.
7. Kementerian Pertahanan sentiasa menumpukan tekad kepada usaha besar meliputi kebajikan dan kemaslahatan warganya. Aspek kebajikan warga ATM sentiasa menjadi nadi utama yang dititikberatkan dalam menjamin tahap kesejahteraan warga sentiasa terpelihara dan memiliki moral yang tinggi dengan kualiti hidup yang sejahtera.
8. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), YBrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail; Panglima Medan Barat Tentera Darat, Leftenan Jeneral Daro' Pahlawan Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri; Panglima 4 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Ts. Reizal Arif bin Tan Sri Ismail, Pegawai-pegawai Kanan TDM serta warga TDM khususnya dari Kem Erskine dan sekitar Kuala Lumpur.

-TAMAT-

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
22 April 2024 (dikeluarkan pada jam 3.00 petang)**